



27 JAN, 2021

Bantu penduduk terjejas akibat bencana



Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 1 of 3

Bantu penduduk terjejas akibat bencana

Seramai 4,900 KIR dari 76 kampung di DUN Pitas menerima bantuan bakul makanan

Oleh Yap Siong Han

PITAS: Seramai 4,900 Ketua Isi Rumah (KIR) daripada 76 buah kampung di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pitas terima bantuan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pitas Datuk Seri Ruddy Awah berkata, Kerajaan Negeri melalui Pusat Bantuan Bencana akan terus menyalurkan bantuan

bakul makanan kepada penduduk Sabah yang terjejas akibat bencana.

"Bantuan itu disalurkan kepada penduduk di kampung-kampung yang terputus hubungan dan bekalan makanan ekor hujan yang berlarutan sehingga seminggu."

"Pihak ADUN Pitas dan saya sendiri tidak putus-patau mengedarkan bantuan kepada semua mangsa banjir.

Sebagai wakil rakyat saya ter-panggil untuk tampil membantu," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Beliau yang juga Pembantu Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi berkata, hujan yang berterusan seminggu lalu menyebabkan banyak kampung terputus hubungan jalan raya akibat banjir dan menyebabkan bekalan makanan terputus.

Katanya, bantuan bakul makanan yang diedarkan adalah sumbangan daripada Kerajaan Negeri dan sumbangan peribadinya termasuk kos penghantaran ke kawasan pedalaman menggunakan lori dan sampan juga dibayai oleh beliau sendiri.

Menurutnya, beliau sendiri telah menambah sebanyak 2,500 bakul makanan kepada penduduk kawasan Pitas yang terjejas akibat banjir. Beliau juga berterima kasih kepada agensi kerajaan, individu dan badan bukan kerajaan yang terlibat dalam memberikan bantuan berkenaan.

Dalam pada itu, Ruddy turut menyampaikan sumbangan pelitup muka dan lampu solar dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) kepada Pegawai Pendidikan Daerah (PPD) Pitas.



27 JAN, 2021

Bantu penduduk terjejas akibat bencana



Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 2 of 3



BANTUAN: Ruddy (enam kiri) menyampaikan bantuan bakul makanan kepada penduduk kampung.



27 JAN, 2021

Bantu penduduk terjejas akibat bencana

Utusan Borneo Sabah, Malaysia



Page 3 of 3

SUMMARIES

Seramai 4,900 KIR dari 76 kampung di DUN Pitas menerima bantuan bakul makanan

PITAS: Seramai 4,900 Ketua Isi Rumah (KIR) daripada 76 buah kampung dikawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pitas terima bantuan. Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pitas Datuk Seri Ruddy Awah berkata, Kerajaan Negeri melalui Pusat Bantuan Bencana akan terus menyalurkan bantuan

bakul makanan kepada penduduk Sabah yang terjejas akibat bencana.